



SERAMAI 30 individu termasuk tiga lelaki warga China dibawa ke Mahkamah Majistret Seri Manjung, semalam.

30 SCAMMER MENGAKU SALAH

Dituduh menipu secara 'online' babit pekerjaan tidak wujud

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

RM3k

Denda dikenakan
kepada tertuduh
berusia 18 dan 19 tahun.

Manjung

Seramai 30 individu termasuk tiga lelaki warga China mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Seri Manjung di sini, semalam atas pertuduhan melakukan penipuan dalam talian membabitkan tawaran pekerjaan tidak wujud.

Semua tertuduh berusia antara 18 hingga 40 tahun termasuk empat wanita itu membuat pengakuan itu di hadapan Majistret A Hafizh Abu Bakar selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah dalam Bahasa Mandarin.

Mengikut pertuduhan, semua tertuduh adalah pihak kepada suatu pakat jahat jenayah dengan bersetuju antara satu sama lain untuk persediaan melakukan suatu perbuatan menyalahi un-

dang-undang iaitu menipu tawaran kerja tidak wujud dengan persediaan berdasarkan 124 unit telefon bimbit, sembilan unit komputer riba dan 22 set komputer.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di No 1605 Desair Apartment Jalan Lumut Tingkat 12 dalam daerah Manjung pada jam 5.45 pagi, 25 Julai lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 120(B)(2) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan Seksyen 34 Kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa, Inspektor Nurjihan Jaya, manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Syafiq Salleh dan Tuan Muhammad Arief Tuan Mohamad Yusof.

Dalam rayuan semua tertuduh diwakili peguam, memohon hukuman denda minimum kerana tiga daripada tertuduh adalah pesalah muda berusia 18 tahun dan 19 tahun selain semua warga tempatan dari keluarga kurang berkemampuan serta ditawarkan pekerjaan itu tanpa mengenali individu yang membawa mereka ke lokasi itu.

Manakala rayuan bagi tertuduh warga asing itu atas alasan terkandas di negara ini disebabkan penularan Covid-19 dan mereka berkerja bagi mengumpul wang untuk kembali ke negara asal.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM3,000 setiap seorang atau penjara tiga bulan

jika gagal membayar denda kepada tiga remaja berusia 18 tahun dan 19 tahun.

Manakala tertuduh selebihnya masing-masing didenda RM5,000 atau empat bulan penjara jika gagal membayar denda selain tiga lelaki warga asing turut dirujuk kepada Jabatan Imigrasi Malaysia (JIM).

Semua tertuduh berkenaan membayar denda itu.

Sebelum ini media melaporkan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman dan Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung membongkar empat pusat panggilan sekali gus menumpaskan sindiket penipuan dalam talian selepas menahan 83 individu termasuk 10 warga China di Lumut.

Sindiket itu aktif sejak dua bulan lalu dengan menyasar mangsa yang tinggal di luar negara seperti Hong Kong dan England.